



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : OPERASI PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM
KOD KURSUS : DPI 3243
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

| | |
|------------------------|--|
| BAHAGIAN A (15 Markah) | |
| BAHAGIAN B (25 Markah) | |
| BAHAGIAN C (60 Markah) | |
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Betul / Salah
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA BELAS (15)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Perbankan adalah satu institusi yang melaksanakan tiga fungsi utama, iaitu menerima simpanan wang, meminjam wang, dan memberikan perkhidmatan penghantaran wang.
2. Jika terdapat perbezaan keputusan antara Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dengan Jawatankuasa Syariah bank lain, maka keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara adalah terpakai.
3. Transaksi Murabahah melibatkan penjualan barang di antara penjual dan pembeli pada harga jualan yang telah termasuk margin keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
4. Kedua-dua riba *Al-Fadl* dan riba *Al-Nasiah* dapat dielakkan dengan menggunakan matawang sebagai media perantaraan.
5. *Ijtihad* dari segi bahasa bermaksud ukuran atau anggaran.
6. Perkataan bank berasal daripada perkataan Itali iaitu '*banco*' yang bererti kepingan papan tempat meletak buku atau sejenis meja iaitu '*bench*'.
7. Pelaburan khusus (*special investment account* atau *mudharabah muqayyadah*) di mana bank akan membayar bahagian keuntungan secara berkadar dengan portfolio yang dibiayai dengan modal tersebut.
8. *Hadis qudsi* juga dinamakan *hadis ilahi* atau *hadis rabbani*.
9. Pada istilah, *qiyas* bermaksud persetujuan antara ulama Islam (*mujtahidin*) mengenai hukum syarak pada suatu masa selepas kewafatan Rasulullah S.A.W.

10. Dalam produk deposit, perbankan Islam menstruktur produk tersebut dengan menggunakan kontrak *Wadi'ah Yad Dhamanah* iaitu simpanan dengan jaminan.
11. Matlamat utama Jabatan Perbankan Islam dan Takaful (JPIT) adalah untuk melahirkan golongan yang pakar dalam perbankan konyvensional dan perbankan Islam serta syariah.
12. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan bank syariah ketiga di Asia Tenggara. X
13. Bank Muamalat adalah satu-satunya bank Islam dan bank komersil yang tersenarai dalam Senarai Pertama Penasihat Utama yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. X
14. Riba *Al-Fadhl* berlaku antara bahan ribawi sama jenis tetapi melibatkan penangguhan bayaran, iaitu tanpa pnyerahan di waktu yang sama. X
15. *Waqaf* merujuk kepada pemberian hadiah secara sukarela sebagai balasan kepada manfaat yang diterima.

[15 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Terangkan secara ringkas mengenai sejarah Bank Muamalat Malaysia Berhad.

(5 markah)

SOALAN 2

Terangkan secara ringkas berkenaan dengan Akta Pelaburan Kerajaan 1983 (APK).

(5 markah)

SOALAN 3

Jelaskan perbezaan di antara Riba Jual Beli dan Riba Hutang Piutang.

(5 markah)

SOALAN 4

Terangkan secara ringkas mengenai Sistem Dwi Perbankan.

(5 markah)

SOALAN 5

Nyatakan **LIMA (5)** perkara yang dinamakan sebagai *Al-Kuliyyat Al-Khams*.

(5 markah)

SOALAN 6

Huraikan secara ringkas mengenai perbezaan *Hadis Qudsi* dan *As-Sunnah*.

(5 markah)

[25 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Berikan definisi Sistem Perbankan Islam.

(3 markah)

b) Huraikan secara terperinci **TIGA (3)** prinsip utama yang menjadi dasar kepada syariat dan perundangan Islam.

(15 markah)

c) Berikan satu dalil berkenaan perundangan Islam.

(2 markah)

SOALAN 2

a) Jelaskan istilah-istilah berikut:

- i. Majlis Penasihat Syariah
- ii. Sumber Dana Bank Syariah Pertama
- iii. Sumber Dana Bank Syariah Kedua
- iv. Sumber Dana Bank Syariah Ketiga

(8 markah)

b) Jelaskan **LIMA (5)** perbandingan antara Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional.

(12 markah)

SOALAN 3

Islam telah melarang ummahnya mengambil apa jua jenis riba dan larangan ini dinyatakan dengan jelas di dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Larangan yang terdapat di dalam Al-Quran diturunkan Allah secara berperingkat-peringkat.

- a) Huraikan **TIGA (3)** larangan riba yang terkandung dalam Al-Quran.
(10 markah)
- b) Terangkan **TIGA (3)** larangan riba yang terdapat dalam hadis.
(10 markah)

SOALAN 4

Pelaksanaan operasi Perbankan Islam adalah bersandarkan dengan sumber-sumber yang terdapat dalam perundangan Islam. Sumber perundangan Islam tersebut terbahagi kepada dua iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Jelaskan **TIGA (3)** sumber primer dan **DUA (2)** sumber sekunder tersebut.

(20 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

